

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Kosmo

TARIKH : Isnin, 21 September 2014

M/S :

Ali Hamsa jadi Ikon Membaca Kebangsaan 2014

PUTRAJAYA - Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dinobatkan sebagai Ikon Membaca Kebangsaan 2014 - Penjawat Awam sekali gus menjadi penjawat awam pertama terpilih untuk anugerah tersebut yang diperkenalkan sejak tahun 2009.

Ali merupakan ikon membaca kebangsaan yang keempat selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad (2012), Datuk Michelle Yeoh (2010) dan Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor (2009).

"Selain membaca buku ilmiah untuk mendapatkan idea-idea baharu, saya suka membaca buku yang menghiburkan hati seperti komik,



ALI (dua dari kanan) bersama Rohani (kanan) dan Aseh (barisan kedua, empat dari kiri) menunjukkan buku yang dibaca pada program *Take A Break...Read @ Putrajaya* di Dataran Putra, Putrajaya semalam.

fiksiyen bagi melapangkan fikiran," katanya selepas melancarkan program *Take A Break...Read @ Putrajaya* di Dataran Putra di sini semalam.

Turut hadir isterinya, Puan Seri Rohani Abdullah dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Dr. Aseh Che Mat.

Ikon membaca adalah satu inisiatif Perpustakaan Negara yang bermula pada tahun 2009 dalam usaha menggalak dan membudayakan amalan membaca terutama dalam kalangan generasi muda.

Pemilihan Ali sebagai ikon membaca kerana beliau merupakan seorang pembaca tegar walaupun dalam kesibukan menjalankan tugas bagi memastikan kelicinan pentadbiran negara.

Ali memberitahu, beliau akan menggunakan masa lapang untuk membaca buku terutama buku ekonomi, kepimpinan dan buku yang paling digemarinya ialah *Why Nations Fail* tulisan James A. Robinson dan Daron Acemoglu.